

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL



Khairy melawat mangsa nahas helikopter di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, semalam.
(Foto Balqis Jazimah/BH)

Laporan tahap keselamatan ditunggu

Khidmat pasukan doktor udara Kinta ditangguh

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Perkhidmatan Pasukan Doktor Udara Pejabat Kesihatan Daerah Kinta ditangguhkan, berikutan nahas helikopter di Brinchang, dekat Tanah Rata, kelmarin. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata, khidmat itu ditangguhkan sementara menunggu laporan tahap keselamatan syarikat helikopter terbabit yang disewa.

"Dalam tempoh jangka pendek ini, kita tangguh dahulu 'flying doctor service'."

"Tetapi, tidak lama kerana kita hendak melihat dari segi keselamatan dan kita nak tahu dari segi penilaian syarikat yang kita sewa helikopter itu," katanya selepas melawat mangsa di Hospital Raja Permaisuri Bainun, di sini semalam.

Khairy berkata, selain itu penangguhan bertujuan membuat persiapan dan memastikan unit kedua pasukan itu untuk menyambung tugas.

"Kita ada dua pasukan. Sudah pasti pasukan kedua



Helikopter bawa 5 pegawai perubatan mendarat cemas

mungkin risau untuk melaksanakan misi mereka. "Jadi, saya sudah meminta untuk taklimat dan kaunseling diberikan juga kepada pasukan kedua, agar mereka yakin untuk meneruskan misi," katanya.

Tumpu aspek keselamatan

Beliau berkata, pihaknya sudah memaklumkan kepada Pengarah Kesihatan Perak, Dr Sirajuddin Hashim untuk melihat aspek keselamatan Pasukan Doktor Udara berkenaan.

Khairy berkata, penerbangan bagi perkhidmatan itu dibuat setiap hari dari Hulu Kinta dan ke Gua Musang.

Dalam kejadian kelmarin, juruterbang, Kapten Fedzrol Norazam, 43, lima penumpang iaitu kakitangan Kementerian Kesihatan terbabit dalam nahas itu.

Katanya, lima kakitangan berkenaan Pegawai Perubatan Munirah Abd Rahman, 53; Jururawat Masyarakat Hashilawati Hussin, 43, Staff Nurse Norhasikin Abu Seman, 38; Pembantu Kesihatan Awam Zainurol Fazlan Zainudin, 40; Penolong Pegawai Perubatan Muhammad

Azlan Hanifah, 31.

Katanya, semua mangsa yang sedang dirawat semakin pulih.

"Saya sudah melawat mangsa kemalangan. Alhamdulillah, atas usaha menyelamat dan juga doktor pembantu perubatan, jururawat yang berada di lapangan, di 'medical base', Hospital Cameron Highlands dan juga yang berada di Hospital Raja Permaisuri Bainun ini.

"Insya-Allah mereka akan pulih sepenuhnya. Itu yang saya diberitahu oleh pakar tadi. Mereka akan pulih sepenuhnya. Kita mendoakan mereka pulih sepenuhnya," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, buat masa ini laporan polis dan Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) memaklumkan insiden tiada kaitan dengan pesawat, tetapi berkaitan dengan cuaca.

"Apa yang dilaksanakan oleh Kapten Fedzrol untuk memastikan pesawat itu dapat mendarat dengan selamat, disebabkan cuaca yang sangat buruk pada waktu itu," katanya.

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Yusri Hassan Basri, kelmarin berkata, ketika kejadian keadaan cuaca amat buruk kerana hujan dengan berkekuatan, selain faktor tiupan angin.

Insiden berlaku dekat Hutan Simpan Bukit Kinta dalam daerah Kinta, Perak, kira-kira 400 meter dari sempadan Pahang.



Pasukan siasatan kemalangan udara Kementerian Pengangkutan meninjau lokasi helikopter yang terhempas di Hutan Simpan Bukit Kinta, semalam. (Foto L. Manimacan/BH)

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEGARA!

Angin kencang punca Eurocopter EC120B mendarat kecemasan di Brinchang

Juruterbang kongsi detik cemas

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH – Angin kencang menjadi antara punca helikopter jenis Eurocopter EC120B yang membawa petugas Pasukan Doktor Udara (FDU) dari Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta dan Juruterbangnya terhempas di Brinchang, Cameron Highlands, kelmarin.

Menurut juruterbangnya, Fedzrol Norazam, 43, sebelum kejadian, beliau menggunakan laluan biasa untuk pulang ke Ipoh selepas selesai tugas di Kampung Gawin, Gua Musang, Kelantan.

Bagaimanapun, katanya, sewaktu dalam perjalanan pulang, berlaku hujan di suatu kawasan menyebabkan beliau terpaksa mencari laluan lain bagi melepasi Banjaran Titiwangsa iaitu di kawasan pergunungan Cameron Highlands.

"Saya nampak kawasan kecil yang membolehkan helikopter mendarat, tetapi bila berada di sana, ada angin yang menolak helikopter ke atas.

"Masa itu saya sudah rasa (kelainan), cuma tidak beritahu



KHAIRY JAMALUDDIN bersalaman dan bertanyakan keadaan Fedzrol ketika melawat mangsa di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh semalam.

penumpang kerana takut mereka panik.

"Saya cuba kawal helikopter, tetapi ia semakin sukar. Ia (angin) menolak helikopter ke atas sedangkan saya mahu mendarat," katanya ketika ditemui pemberita di Hospital Raja Permaisuri Bainun di sini semalam.

Cerita Fedzrol, angin tersebut

'menolak' helikopter ke arah satu bukit yang ketinggiannya sama dengan altitud pesawat ringan ketika itu iaitu 1,524 meter.

"Saya tidak dapat mengawal helikopter, hendak ke kanan, ke kiri, bawah dan atas tak boleh. Saya terpaksa menggunakan 100 peratus kekuatan enjin, tetapi keadaan masih tidak stabil.

"Helikopter semakin menghampiri bukit menyebabkan saya terpaksa ambil keputusan membuat pendaratan kecemasan. Saya guna teknik mendaratkan ekor helikopter terlebih dahulu bagi melindungi kabin," katanya.

Jelas lelaki itu, beliau tidak sedarkan diri selama dua hingga tiga minit selepas melakukan pendaratan sehingga terdengar ada suara memanggil namanya.

Sewaktu pendaratan kecemasan itu, Fedzrol mengalami pendarahan di kepalanya.

"Selain kepala berdarah, saya juga berasa pening kira-kira 10 minit sebelum boleh bercakap. Saya bertanyakan keadaan penumpang kerana sebagai kapten, penumpang adalah tanggungjawab saya," katanya.

Selain Fedzrol, helikopter itu membawa pasukan perubatan KKM iaitu Munirah Abd Rahman, 53, Zainurol Fazlan Zainudin, 40, Muhamad Azlan Hanifah, 31, Norhasikin Abu Seman, 38, dan Hashilawati Hussi, 43.

Dalam kejadian pada pukul 1.15 tengah hari itu, kesemua mangsa terselamat dengan tiga daripada mereka parah, manakala bakinya cedera ringan.



KERATAN Kosmo! semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA



SEBANYAK 29 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh yang sama pada 2021. – GAMBAR HIASAN

Kes demam denggi meningkat

PUTRAJAYA – Jumlah kes denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) 42/22 mencatatkan peningkatan sebanyak 137 kes atau 9.3 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pada minggu ini, sejumlah 1,614 kes demam denggi dilaporkan berbanding 1,477 kes pada ME 41/22 dengan satu kematian akibat komplikasi dicatat.

Menurutnya, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah berjumlah 48,109 kes berbanding 21,308 kes bagi tempoh sama tahun lalu iaitu

peningkatan sebanyak 26,801 kes atau 125.8 peratus.

"Sebanyak 29 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 16 kematian bagi tempoh yang sama pada 2021 iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian (81.3 peratus).

"Sebanyak 51 lokaliti *hotspot* dilaporkan pada minggu ini berbanding 53 lokaliti *hotspot* pada minggu sebelumnya dengan 30 lokaliti di Selangor, 11 di Sabah, lapan di Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing satu di Kedah serta Melaka," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, beliau berkata,

survelan chikungunya merekodkan sebanyak tujuh kes pada minggu ke-42 dengan tiga kes di Pulau Pinang, dua kes di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta satu kes dari Selangor dan Melaka.

Jelas beliau, jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 669 kes.

"Bagi surveilan zika, sebanyak 1,619 sampel darah dan 16 sampel urin telah disaring dan hasil kesemuanya adalah negatif," ujarnya.

Tambahnya, keadaan hujan di selang-seli dengan cuaca panas yang berlaku ketika ini merupakan keadaan yang kondusif untuk nyamuk *Aedes* membiak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Hentam ekor untuk menyelamatkan kabin

Juruterbang aplikasi teknik *pitch-up altitude* berjaya menyelamatkan penumpang

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF
IPOH

Juruterbang helikopter jenis Airbus AS 355 F2 yang terhempas ketika membuat pendaratan cemas di Hutan Simpan Bukit Kinta berhampiran Brinchang, Cameron Highlands pada Rabu bersyukur dirinya bersama lima penumpang terselamat dalam nahas hampir meragut nyawa mereka itu.

Kapten Fedzrol Norazam, 43, turut menyatakan keinginannya memohon maaf kepada Pasukan Doktor Udara (PDU) yang tercedera dalam kejadian itu.

"Perasaan ketika ini, saya ingin minta maaf dengan apa yang terjadi. Walaupun ini ketentuan Tuhan tetapi saya nak minta maaf juga."

"Yang paling penting saya bersyukur semua penumpang selamat. Apabila tersedar daripada pengsan, saya terus bertanya keadaan kerana mereka adalah tanggungjawab saya," katanya ketika ditemui semasa lawatan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Khamis.

Menceritakan kejadian itu, Fedzrol berkata, laluan helikopter terpaksa dilencong-



Khairy melawat Kapten Fedzrol yang sedang menerima rawatan di HRPB, Ipoh.

kan untuk melepasi Banjaran Titiwangsa berikutan laluan asal iaitu di Kampung Raja, Cameron Highlands telah hujan.

"Saya pilih ruang paling dekat dan saya dapati di Brinchang kerana belum hujan yang membenarkan helikopter melalui kawasan tersebut."

"Ketika melaluinya saya mula berasa pelik apabila angin menolak helikopter ke atas hingga sukar untuk dikawal. Saya tidak beritahu penumpang lain, bimbang mereka berasa panik," katanya.

Menurut Fedzrol, helikopter kendaliannya seperti dalam keadaan tergantung

di ruang udara kawasan tersebut menyebabkan beliau mengambil keputusan untuk membuat pendaratan cemas.

"Keadaan angin menyebabkan helikopter merapat ke arah bukit pada ketinggian 5,000 kaki. Saya menggunakan 100 peratus kekuatan enjin tetapi helikopter tetap tidak stabil untuk terbang."

"Saya ambil langkah alternatif dengan membuat pendaratan menggunakan teknik *pitch-up altitude* pastikan hentaman bermula pada ekor agar kabin selamat," katanya.

Bapa kepada empat anak itu me-

ngakui telah cuba sehabis baik untuk mendaratkan helikopter.

"Tetapi saya buat tidak cantik disebabkan angin. Sebelum itu saya sempat beritahu pada pembantu perubatan yang berada di kokpit 'kita tidak ada power' sebanyak dua kali, keadaan itu umpama helikopter tidak terbang."

"Apabila buka mata, saya berada di kerusi dengan tangan masih memegang stereng dengan kepala berdarah. Saya orang terakhir dibawa keluar. Saya bersyukur semuanya selamat," katanya.

Dalam kejadian sekitar jam 1.15 petang itu, Fedzrol cedera di kepala manakala penumpang, Munirah Abd Rahman, 53, cedera di bahagian belakang dan abdomen; Zainurol Fazlan Zainudin, 40, serta Muhamad Azlan Hanifah, 31, juga cedera di kepala.

Dua lagi mangsa mengalami cedera parah ialah Norhasikin Abu Seman, 38, patah kaki kanan dan Hashilawati Hussi, 43, mengalami kecederaan di tempurung lutut dan patah bahu kanan.

Helikopter yang membawa pasukan perubatan itu dalam perjalanan pulang selepas memberikan perkhidmatan perubatan di Kampung Gawin, Gua Musang, Kelantan.

Ketika kejadian helikopter terbabit sedang menuju ke Pengkalan Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) Hospital Bahagia Ulu Kinta.

Seramai 127 anggota penyelamat daripada pelbagai agensi terlibat dalam operasi mencari dan menyelamatkan kesemua mangsa.

Perkhidmatan Pasukan Doktor Udara ditangguh sementara - Khairy

IPOH - Perkhidmatan Pasukan Doktor Udara (PDU), Pejabat Kesihatan Daerah Kinta akan ditangguhkan seketika bagi mendapatkan laporan penilaian keselamatan daripada sebuah syarikat perkhidmatan sewaan helikopter.

Penangguhan itu susulan daripada nahas helikopter jenis Airbus AS 355 F2 dengan nombor pendaftaran 9M-SSW yang terhempas di Hutan Simpan Bukit Kinta berhampiran Brinchang, Cameron Highlands pada Rabu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin

Abu Bakar berkata, penangguhan itu dipercayai hanya mengambil tempoh beberapa hari bagi membuat persiapan dan kesiediaan pasukan bagi misi seterusnya.

"Saya tidak jangka perkhidmatan ini terganggu untuk tempoh lama, mungkin beberapa hari bagi mendapatkan kepastian sebelum pasukan kedua menyambung perkhidmatan ini secepat mungkin."

"Penting untuk kita dapatkan maklumat daripada syarikat sewaan helikopter itu tentang pelan mereka selepas ini, adakah mempunyai helikopter dan juruterbang yang lain, serta adakah mereka bersedia untuk memulakan kembali

perkhidmatan ini," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat enam mangsa nahas helikopter di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada Khamis.

Menurutnya, PDU ditugaskan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di pedalaman terutama penduduk orang asli di Gua Musang, Kelantan dan daerah Hulu Perak setiap hari.

"Perkhidmatan ini sangat penting kepada penduduk di perkampungan orang asli yang terputus fasiliti kesihatan kerana muka bumi mencabar selain jaraknya yang jauh."

"Kita ada dua pasukan, jadi saya minta taklimat dan kaunseling diberikan kepada pasukan kedua ini supaya mereka yakin untuk teruskan misi ini," katanya.

Tambah Khairy, pihaknya menyerahkan kepada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) untuk melaksanakan slasatan lanjut berhubung insiden itu.

"Daripada dapatan awal, kejadian ini tidak berkaitan dengan helikopter sebaliknya disebabkan keadaan cuaca buruk."

"Juruterbang telah mengambil tindakan untuk melakukan pendaratan kecemasan berikutan keadaan cuaca ketika itu," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL



Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar menziarahi Pembantu Kesihatan Awam Zainurol Fazlan Zainudin, 40, dari Pasukan Doktor Udara (PDU) Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) pada Khamis.

Penolong Pegawai Perubatan, Muhamad Azlan Hanifah, 31, menceritakan detik kejadian kepada Khairy Jamaluddin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : DALAM NEGERI

Helikopter seperti tergantung

Oleh ASLIZA MUSA

utusannews@mediamula.com.my

IPOH: "Ketika melalui kawasan itu (Brinchang), saya mula berasa pelik apabila angin menolak helikopter ke atas hingga sukar untuk dikawal. Saya tidak beritahu penumpang lain kerana bimbang mereka berasa panik."

Juruterbang helikopter Airbus AS 355 F2 yang terhempas semasa pendaratan cemas di Brinchang, Cameron Highlands kelmarin, Kapten Fedzrol Norazam, 43, berkata, pesawat itu seperti tergantung di ruang udara menyebabkan beliau memutuskan membuat pendaratan cemas.

Beliau bersyukur dan lega apabila lima pegawai perubatan termasuk seorang doktor dalam penerbangan itu selamat meskipun mengalami kecederaan.

"Itu yang paling penting. Perasaan saya sekarang, cuma mahu minta maaf kerana nahas ini berlaku."

"Walaupun ini ketentuan Tuhan, ia juga mungkin sebahagiannya kerana kesilapan saya juga, kita tidak tahu," katanya ketika ditemui pada lawatan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini, semalam.

Fedzrol berkata, laluan helikopter terpaksa dilencongkan untuk melepasi Banjaran Titiwangsa berikutan laluan asal



KHAIRY Jamaluddin menziarahi seorang daripada mangsa helikopter terhempas di Cameron Highlands di Hospital Raja Perempuan Bainun Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

iaitu di Kampung Raja, Cameron Highlands hujan.

"Saya pilih ruang paling dekat dan dapati Brinchang belum hujan yang membenarkan helikopter melalui kawasan itu," ujarnya.

Namun katanya, angin menolak helikopter ke atas hingga sukar untuk dikawal.

Tambahnya, akibat nahas

itu dia pengsan selama beberapa minit akibat pendarahan di kepala dan hanya sedar selepas mendengar namanya dipanggil.

"Saya paling akhir keluar dari helikopter dan apabila sedar, kepala saya pening. Selepas stabil saya terus panggil mereka yang lain dan pastikan mereka selamat," katanya.

Dalam kejadian pada pukul 1.05 petang itu, helikopter yang dikendalikan Layang Layang Aerospace Sdn. Bhd. dinaiki lima kakitangan perubatan termasuk seorang doktor dalam perjalanan dari Kampung Gawin, Gua Musang ke Pangkalan Doktor Udara (PDU) di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION/NEWS

RURAL SERVICE

KINTA FLYING DOCTOR UNIT PUT ON HOLD

Health Ministry waiting for report on safety of copter that crashed in Cameron Highlands, says Khairy

ZAHRA TULHAYAT MAT ARIF
IPOH
news@nst.com.my

THE Health Ministry has temporarily halted the Kinta District Health Office's Flying Doctor Unit (FDU) until it receives the report on the safety of the chartered helicopter that crashed in Brinchang, Cameron Highlands,

on Wednesday.

Caretaker Health Minister Khairy Jamaluddin yesterday said the FDU was usually sent to rural and Orang Asli areas in Hulu Perak and Gua Musang, Kelantan, daily and early in the morning.

"This service is important but we have to put it on hold until we got a clearance from the helicopter company, especially on

the safety aspect.

"These rural and Orang Asli areas have no access to health services due to their remote locations and that is why the FDU flies there daily."

He said this after visiting the six victims of the crash at Raja Permaisuri Bainun Hospital here.

Five of the victims are ministry staff.

Khairy said they were in stable condition and had been transferred from Sultanah Hajjah Kalsom Hospital in Cameron Highlands on Wednesday night.

They are pilot Captain Fedzrol Norazam, 43, and five passengers from the Kinta District Health Office: Dr Munirah Abd Rahman, 53 (medical officer); Zainurol Fazlan Zainudin, 40 (public health as-

sistant); Muhamad Azlan Hanifah, 31 (medical assistant); Norhasikin Abu Seman, 38 (staff nurse); and Hashilawati Hussin, 43 (nurse).

On Wednesday, the Civil Aviation Authority of Malaysia said an Airbus AS355 F2 helicopter with the registration number 9M-SSW crashed in Cameron Highlands at 1.03pm.



Caretaker Health Minister Khairy Jamaluddin (second from left) visiting a helicopter crash victim at Raja Permaisuri Bainun Hospital in Ipoh, Perak, yesterday. PIC BY BALOIS JAZIMAH ZAHARI

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'I am sorry,' says copter pilot

Fedzrol: I'm just worried people may judge the incident as pilot error

Stories and video
by MANJIT KAUR
manjit@thestar.com.my

IPOH: Sudden strong winds kept pushing the helicopter upwards after it had taken a detour because of bad weather, says the pilot of the aircraft that crashed near Brinchang in Cameron Highlands.

Apologising for the incident, Capt Fedzrol Norazam, 43, said what happened was in the hands of God, but there was a possibility it was his fault as well.

"However, what is more important is that everyone is safe.

"I know my capabilities, and I am not scared to fly again, but I am just worried about people's perception (where) they are evaluating the incident as pilot error," he said from his bed at Hospital Raja Permaisuri Bainun here.

Recalling the incident, Fedzrol said he could not take the normal flight route via Kampung Raja on the highlands due to heavy rain and had to divert to the closest area with no rain, which was Brinchang.

"However, while heading there, suddenly out of nowhere, there was strong wind from below that kept pushing the helicopter upwards.

"The way the wind was pushing the helicopter, I knew something was not right, but did not say anything so as not to cause panic.

"I tried to turn around but it was getting difficult to control the helicopter, and then again, the wind started to push the helicopter closer to the hills.

"I am sorry," he told reporters



Get well soon:
Khairy (centre) visiting Fedzrol (in bed) at Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh.
— Bernama

during a visit by Health Minister Khairy Jamaluddin to the hospital yesterday.

Fedzrol said the helicopter was swaying from left to right, and that he had to use 100% of the engine power but still could not stabilise it.

"The speed was being reduced and the winds were getting stronger. I knew I had to perform an emergency landing.

"I made sure that during landing,

the tail hit first to ensure that the (passenger) cabin was safe, but maybe it was not smooth sailing."

Fedzrol said he was the last to come out of the helicopter, adding that he could have fainted for between two and three minutes.

"I heard someone calling me. My seat belt was still on, and my hand still holding on to the handle (cyclic grip).

"I was dizzy for about 10 minutes

before asking if everyone was all right," he said.

Fedzrol said the Flying Doctor Unit personnel frequently flew with him.

"So, they somehow sensed that something was wrong as I was making circles."

Watch the video
TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NATION

31,063 died from Covid-19

Coronavirus main cause of death in Malaysia last year

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: Covid-19 was the main contributor of medically-certified fatalities in Malaysia in 2021, according to data from the Statistics Department.

A total of 31,063 deaths or 19.8% out of the 157,251 medically-certified deaths in Malaysia last year

were due to Covid-19.

"Ischaemic heart diseases was the second highest causes of death with 13.7% followed by pneumonia (11.1%), cerebrovascular diseases (6.5%) and transport accidents (1.9%)," it said in a statement.

The coronavirus was also listed as the main contributor for deaths in males and females with 17,708 and 13,355 cases, respectively.

As for the breakdown according

to ethnic groups, Covid-19 was the cause of deaths in 19.5% of Indians, 18.5% of bumiputras and others, 17.9% of Malays and 16.3% of Chinese.

"All age groups recorded Covid-19 infection as the leading cause of death except for the age group of 0-14 years which recorded transport accidents as the main causes of death," the department said.

Covid-19 was also the main cause

of death in nine states except for Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Perlis and Terengganu, which reported ischaemic heart diseases as the main cause.

As for Putrajaya, pneumonia was the main cause of death at 12.4%.

Since Jan 25, 2020, Malaysia has reported 36,458 deaths from the coronavirus.

The Covid-19 caseload has also breached the 4.88-million mark.

Health DG: 9.3% increase in dengue cases

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases has increased by 137 cases compared with the week before, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said one death due to dengue fever complications was also reported.

He said in the 42nd Epidemiological Week (EW 42), the total number of cases had increased by 9.3% to 1,614 cases compared with 1,477 recorded in the previous week.

"The cumulative number of dengue fever cases reported thus far is 48,109 cases compared with 21,308 cases for the same period last year, which is an increase of 26,801 cases (125.8%)," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said 29 deaths due to dengue complications were



Preventive measure: A file photo of fogging being carried out in Klang, Selangor, due to a high number of dengue cases.

reported compared with 16 deaths reported in the same period in 2021 - an increase of 13 deaths (81.3%).

According to him, a total of 51

hotspot localities were reported in EW 42 compared with 53 hotspot localities in the previous week.

Dr Noor Hisham said 39 of the

localities were in Selangor, Sabah (11), Kuala Lumpur and Putrajaya (eight) and one hotspot each in Kedah and Melaka.

He added that rain and the hot weather were the perfect breeding ground for Aedes mosquitoes.

Therefore, the public is advised to check and destroy potential Aedes mosquito breeding places around the house for at least 10 minutes every week.

Regarding chikungunya, Dr Noor Hisham said surveillance recorded a total of seven cases in the EW 42 with three cases reported in Penang, two in Kuala Lumpur and Putrajaya and one case each in Selangor and Melaka.

"The cumulative number of chikungunya cases to date is 669 cases," he said. — Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Health DG: 9.3% rise in dengue cases

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases in the 42nd Epidemiological Week (EW42) has increased by 137 cases, or 9.3%, to 1,614 cases compared with 1,477 cases recorded in the previous week.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said one death due to dengue fever complications was also reported.

"The cumulative number of dengue fever cases reported thus far is 48,109 cases compared with 21,308 cases for the same period last year, which is an increase of 26,801 cases, or 125.8%," he said in a

statement yesterday.

Noor Hisham said 29 deaths due to dengue complications were reported so far this year compared with 16 deaths reported in the same period in 2021 – an increase of 13 deaths, or 81.3%.

He said 51 hotspots were reported on EW42 compared with 53 in the previous week.

Noor Hisham said 39 of the localities were in Selangor, 11 in Sabah, eight in Kuala Lumpur and Putrajaya, and Kedah and Malacca had one hotspot each.

He added that the rain and the hot weather

provide perfect breeding grounds for Aedes mosquitoes. He advised the public to spend at least 10 minutes every week to check and destroy Aedes mosquito breeding places around the house.

Noor Hisham said a total of seven cases of chikungunya fever were recorded in EW42, with three cases reported in Penang, two in Kuala Lumpur and Putrajaya and one case each in Selangor and Malacca.

The cumulative number of chikungunya fever cases stands at 669 cases to date, he said.

– Bernama